

Buletin

Ramadhan 1445/ Mac 2024

ACIS

**Memperbetulkan
fahaman
masyarakat,
Ramadan sekadar
bulan puasa**



eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 6 2 8 0 1

Aspek Kebolehbacaan Dalam Penulisan Umum Di Media Massa

Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghafim

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Keberkesanan penulisan umum di media massa banyak bergantung pada tahap kebolehbacaan khalayak pembaca dalam menelusuri pemahaman tentang isu yang diutarakan. Kebolehbacaan merujuk kepada penulisan yang mampu menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan berdasarkan pemahaman yang berkesinambungan. Dengan kata mudah, penyusunan isi-isi penting mengikut urutan kepentingan dan kupasan yang mampu untuk merangsang pemikiran pembaca bersama-sama dengan topik yang diperbincangkan. Ini merujuk kepada aspek media massa itu sendiri yang meliputi golongan pembaca yang pelbagai seperti tahap pendidikan, pengalaman, latar belakang dan pelbagai faktor pembolehubah yang bersifat tidak seragam. Maka kebolehbacaan sangat penting untuk memastikan idea yang diungkap mampu untuk menyatukan pendapat melalui sesuatu penulisan itu.

Kebolehbacaan juga merujuk kepada aspek kejelasan dan penerangan sesuatu topik. Ini merangkumi keselarasan idea untuk dihubungkaitkan dengan pokok persoalan yang diperbincangkan. Penulisan perlu terus menjurus pada konteks tanpa perlu membincangkan perkara-perkara diluar konteks yang memungkinkan kesukaran pemahaman dan mempengaruhi kejituhan isi yang diperbincangkan. Perlu diingat bahawa penulisan umum di media massa amat terhad dari segi ruang dan kesesuaian tajuk. Setiap peranggan perlu mempunyai penerangan yang kukuh berdasarkan asas kenyataan yang dikemukakan. Ini penting untuk memastikan penulisan ini tidak disunting oleh pihak Pengarang agar objektif penulisan tidak terganggu mahupun mempengaruhi maksud asal. Jika suntingan dilakukan oleh pihak Pengarang, ianya mampu untuk mempengaruhi penulisan dan kepuasan penulis dalam penyampaiannya. Perkara ini seharusnya dapat dielakkan daripada berlaku kerana mungkin akan mengganggu perjalanan idea yang mahu disampaikan.

Penerangan terhadap sesuatu isu yang cuba dikupas juga haruslah jelas dan kemas. Pembinaan plot penulisan seharusnya sentiasa berkembang dari sudut olahan isi penting dan penghujahan yang bersifat konkret. Pastikan ia bukan sekadar pendapat kosong sahaja tetapi haruslah menggunakan fakta yang jitu dan tidak bersifat abstrak. Pembaca seboleh mungkin mencari pembaharuan maklumat dalam pembacaan terutamanya apabila ia melibatkan penulisan dalam media massa yang sudah semestinya melibatkan perkara-perkara terkini dan tinggi nilainya dari aspek kemasyarakatan. Ini bermaksud pembaca senantiasa mahukan pembaharuan pemikiran yang kritis dan mudah untuk difahami. Oleh itu perancangan plot penulisan haruslah dititik beratkan. Seperti contoh mulakan dengan teks (idea asal) kemudian konteks (isu yang terarah) dan sub teks (perkara/faktor lain yang terlibat) supaya ianya dapat membentuk pemikiran umum pembaca.

Perlu diingat juga bahawa sebarang pengulangan isi kandungan mahupun kecabur dalam penerangan seharusnya dielakkan. Sebarang pengulangan mahupun kecabur yang wujud mampu untuk mempengaruhi minat terdapat sesuatu topik walaupun ianya melibatkan isu yang penting untuk dibaca. Hal ini kerana ada golongan pembaca yang berkemampuan untuk membuat telahan awal mengenai tahap pemikiran dan kematangan penulisan anda pada peringkat seawal memulakan pembacaan. Dengan kata lain, adalah tidak mustahil pembaca akan hilang minat untuk meneruskan pembacaan sekiranya perkara ini berlaku. Ini amat merugikan walaupun bidang ilmu yang cuba dikupas merupakan sesuatu perkara yang penting.

Penggunaan pelbagai gaya penulisan juga penting dalam mempengaruhi tahap kebolehbacaan sesuatu penulisan umum. Gaya penulisan ini lebih terarah kepada bagaimana seharusnya idea dipersembahkan. Seperti contoh apabila penulis ingin membuat ulasan terhadap sesuatu isu. Perkara utama yang harus difikirkan ialah adakah golongan pembaca mempunyai pengetahuan awal tentang perkara tersebut? Ini agak sukar untuk dikenalpasti memandangkan media massa adalah berbentuk umum dan meliputi pelbagai variasi laporan serta sudut pandangan. Maka menjadi keperluan untuk membawakan sepantas lalu pengalaman atau keadaan semasa yang berlaku berpandukan isu tersebut. Terdapat beberapa gaya yang boleh dilakukan seperti membuat kenyataan secara terus, imbasan laporan media massa sebelumnya, perdebatan mengenai isu, berpandukan tarikh (berkaitan sesuatu peristiwa / tragedi / sejarah) atau hari khusus (Hari Ibu / hari Alam sekitar / Hari Guru) yang terdapat di kalender dan pelbagai lagi cara yang boleh dipraktikkan bersesuaian dengan tajuk penulisan. Keberkesanan dalam membawakan imaginasi atau imbauan pembaca sangat mempengaruhi kebolehbacaan sesuatu penulisan umum di media massa. Minat pembaca bukan hanya bergantung kepada topik tetapi juga cara dan gaya olahan dalam menjelaskan suasana kebolehbacaan yang berkesan. Oleh itu, seharusnya penulis meletakkan diri mereka sebagai pembaca terlebih dahulu sebelum memulakan penulisan berbentuk pendapat umum.